

LITERASI GEOGRAFI DALAM KALANGAN PELAJAR GEOGRAFI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Judith Nyambal & Mohd Faris Dziauddin

Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Email koresponden: faris@fsk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap literasi geografi dalam kalangan pelajar geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan fokus diberikan kepada literasi identifikasi tempat; nama dan ciri fizikal dan manusia. Kaedah kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Seramai 217 responden yang merupakan pelajar geografi tahun satu hingga tahun empat di UPSI telah diuji tahap literasi geografi mereka yang berfokuskan kepada literasi identifikasi tempat; nama dan ciri fizikal dan manusia. Dapatkan kajian menunjukkan 54.4% pelajar mempunyai tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang dalam kategori cemerlang dan 27.6% dalam kategori baik, 14.7% pelajar dalam kategori sederhana dan selebihnya sebanyak 3.2% pelajar berada pada kategori yang lemah. Sementara itu, analisis statistik inferensi iaitu ujian Khi-kuasa dua dilakukan bagi menentukan faktor-faktor mempengaruhi tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi UPSI. Dapatkan daripada ujian Khi-kuasa dua menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengalaman mengambil mata pelajaran geografi semasa tingkatan 4 dan 5 dan pengalaman melancong dalam negara dengan pencapaian skor ujian literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang telah dijalankan. Terdapat hubungan yang tidak signifikan dicatatkan oleh sumber rujukan asas yang digunakan, pengalaman berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris bersama keluarga dan rakan serta pengalaman melancong di luar negara dengan pencapaian skor ujian literasi pengetahuan asas geografi dicatatkan. Kesimpulannya, dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar geografi di UPSI mempunyai tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang memberangsangkan.

Katakunci: Geografi, literasi geografi, tempat – nama, geografi fizikal, geografi manusia

GEOGRAPHIC LITERACY AMONG UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) GEOGRAPHY STUDENTS

Judith Nyambal & Mohd Faris Dziauddin

Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Correspondence email: faris@fsk.upsi.edu.my

Abstract

This study aimed to identify the level of geographic literacy among undergraduate geography students at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) which focus is given towards identification place – name and physical and human characteristics. Quantitative method with survey design was used in this study. A total of 217 respondents consisted of undergraduate geography students from year one to year four in UPSI were tested their geographic literacy levels which focused on identification place – name and physical and human characteristics. The results obtained using descriptive statistical analysis reported that a total of 54.4% students had an excellent identification place – name and physical and human characteristics literacy, while 27.6% of students had a good identification place – name and physical and human characteristics literacy. Also, a total of 14.7% of geography students had moderate identification place – name and physical and human characteristics literacy and the remaining 3.2% of students was weak at identification place – name and physical and human characteristics literacy. Meanwhile, inferential statistical analysis which was Chi-square test used to test the hypothesis of the study. Findings from Chi-square test indicated that there was a significant relationship between experience taking geography subject during form four and form five and travel experience within the country with the achievement of geographic literacy test that had been carried out. There was no significant relationship recorded by the basic reference resources used, the experience of communicating using English with family and friends and travel experience abroad with the achievement of geographic literacy test. In general, it can be concluded that the findings from this study indicated that undergraduate geography students at UPSI had an excellent identification place – name and physical and human characteristics literacy.

Keywords: Geography, geographic literacy, place – name, physical geography, human geography

PENGENALAN

Geografi merupakan disiplin ilmu yang mengkaji tentang alam semulajadi dan manusia, dan interaksi antara keduanya. Dalam lain perkataan, geografi bukan hanya bersifat sosial tetapi sains. Ahli-ahli geografi misalnya tidak hanya mengkaji tentang aspek sosial, budaya dan aktiviti ekonomi manusia tetapi turut mengkaji tentang glasier dan garis pantai, gurun, batuan, cuaca dan iklim, malah tumbuhan dan haiwan. Bahkan tidak ada satu pun yang terdapat di dunia yang tidak boleh dikaji secara geografi. Di samping itu, geografi juga merupakan disiplin ilmu yang mengkaji tentang organisasi reruang yang memperlihatkan hubungan rapat antara manusia dengan alam sekitar. Interaksi antara manusia dan alam sekitar dimana tempat manusia tinggal dan melakukan pelbagai jenis aktiviti pastinya memerlukan interaksi yang harmoni. Segala tindak tanduk manusia sepanjang interaksi ini berlaku misalnya akan memberi kesan besar terhadap alam sekitar. Kesan ini boleh berlaku dalam bentuk yang positif maupun negatif. Justeru, bagi mewujudkan interaksi yang harmoni antara keduanya, maka mempunyai tahap pengetahuan yang baik terhadap disiplin ilmu ini amat penting. Misalnya, pengetahuan asas tentang tempat, etnik, budaya, bahasa, cara hidup, sistem politik, geopolitik, ekonomi dan sumber alam perlu dimiliki oleh setiap individu. Pengetahuan asas tentang aspek-aspek ini boleh diperoleh sama ada melalui pembelajaran secara formal di sekolah atau secara tidak formal.

Menyorot pembelajaran secara formal di sekolah tentang disiplin ilmu geografi, dapat dirumuskan bahawa perkembangan pendidikan geografi di Malaysia bergerak seiring dengan perubahan dasar negara. Kurikulum geografi turut tidak terkecuali daripada menerima pembaharuan dan penambahbaikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Secara umumnya, kandungan kurikulum geografi yang digubal bertujuan untuk melengkapkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai geografi bagi melahirkan warganegara yang berdaya saing, berwawasan dan berkebolehan menguruskan alam dan sumber negara secara bertanggungjawab. Malah yang lebih penting dapat menjadi warganegara global yang bertanggungjawab. Menurut Katiman (2005) geografi di peringkat sekolah menengah di Malaysia telah mengalami banyak perubahan. Namun begitu, perubahan yang berlaku ini tidak seharusnya dijadikan alasan untuk sesetengah pihak memberi tanggapan bahawa geografi bukan mata pelajaran yang penting. Di Malaysia kini, mata pelajaran geografi hanya wajib diambil di peringkat tingkatan satu hingga tiga dan sebagai mata pelajaran elektif pada peringkat menengah atas (tingkatan empat dan lima). Keadaan ini telah menimbulkan tanggapan bahawa mata pelajaran geografi tidak penting kerana tidak wajib diambil dan lulus dalam peperiksaan awam di Malaysia. Malah terdapat banyak sekolah yang tidak menawarkan mata pelajaran geografi sebagai elektif kepada pelajar menengah atas. Bagi memenuhi hasrat pihak KPM dan penggubal kurikulum geografi di sekolah, menjadi keperluan untuk menyediakan guru geografi yang mempunyai tahap literasi geografi yang baik. Ini penting bagi memastikan guru geografi yang ditempatkan di sekolah adalah kompeten, terutamanya daripada aspek isi kandungan.

Eve et al. (1994), dan Henry (1994) mendefinisikan literasi geografi sebagai kemampuan untuk menunjukkan pengetahuan tentang suatu tempat dan melihat makna dalam susunan perkara di ruang. Menurut mereka lagi literasi geografi melibatkan keupayaan untuk menerapkan perspektif ruang dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, individu yang celik geografi memahami mengapa manusia berada di tempat mereka berada, bagaimana manusia membentuk ruang menjadi tempat yang bermakna, dan bagaimana tempat-tempat tersebut, kemudiannya, mempengaruhi kehidupan manusia (Bliss, 2006). Walau bagaimanapun, pengetahuan tentang tempat dan lokasi merupakan dua aspek yang paling banyak dimasukkan dalam kajian berkaitan dengan pengetahuan geografi dan biasanya dikaitkan dengan literasi geografi (Rogers, 1997). Marran (1994) dan Torrens (2001) berhujah pengkajian tentang pengetahuan seseorang individu tentang nama tempat dan lokasi penting kerana kedua-duanya merupakan asas kepada bagaimana disiplin geografi bermula. Justeru, dalam kajian ini kami akan menggunakan definisi yang diberikan oleh Eve et al. (1994) dan Henry, dan literasi geografi yang akan diuji hanya melibatkan pengetahuan asas geografi.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap literasi geografi dalam kalangan pelajar geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan fokus diberikan kepada literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia. Bahagian berikutnya akan membincangkan tentang sorotan literatur, material, kaedah dan analisis, dapatan dan perbincangan dan kesimpulan kajian.

SOROTAN LITERATUR

Sejak empat dekad yang lalu terdapat banyak kajian yang dilakukan bertujuan menilai tahap pengetahuan geografi dalam kalangan pelajar sekolah dan belia di Amerika Syarikat (Bein, 1990; Eve et al., 1994; Gallup Organization, 1988; Laughlin, 1985; Williams et al., 1995). Boleh dikatakan majoriti daripada kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan pelajar sekolah dan belia di Amerika mempunyai tahap literasi geografi terutamanya berkaitan tempat dan lokasi yang terbatas berbanding pelajar dan belia di negara-negara maju yang lain. Misalnya, menurut satu tinjauan literasi geografi oleh Gallup Organization (1988) bagi pihak *National Geographic Society* ke atas belia melibatkan lapan buah negara maju (Britain, Kanada, Perancis, Itali, Mexico, Sweden, Amerika Syarikat dan Jerman) mendapati golongan belia di Amerika Syarikat mempunyai tahap literasi geografi yang rendah jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di negara-negara maju yang lain. Dapatan tinjauan ini mendapati Amerika Syarikat berada pada kedudukan nombor tujuh daripada lapan buah negara yang ditinjau dan berada di kedudukan tercorot bagi kumpulan umur 18-24 tahun. Sungguhpun majoriti daripada responden di Amerika Syarikat (90%) menyatakan bahawa pengetahuan geografi penting, tetapi 56%, 45%, 57% dan 14% responden yang ditinjau tidak dapat menyatakan dengan betul jumlah penduduk

Amerika Syarikat, letakan bandaraya New York dalam peta Amerika Syarikat, mengenal pasti letakan United Kingdom dalam peta benua eropah dan letakan Amerika Syarikat dalam peta dunia.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Bein (1990) ke atas 3,000 pelajar universiti di Indiana, Amerika Syarikat dengan menggunakan instrumen yang dihasilkan oleh "National Council for Geographic Education". Ujian yang diberikan kepada responden dikelompokkan dalam beberapa kategori: kemahiran peta, mengenal pasti lokasi dan tempat, geografi fizikal dan manusia. Dapatan kajian menunjukkan pelajar universiti di Indiana memperoleh skor yang tinggi untuk kategori mengenal pasti lokasi dan tempat (75%), diikuti oleh kemahiran peta (70%), geografi manusia (63%) dan geografi fizikal (58%). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara antara tahap literasi geografi bagi komponen-komponen berbeza geografi dalam kalangan pelajar universiti. Ini dibuktikan lagi menerusi kajian yang dilakukan oleh National Geographic Roper (2002) ke atas belia di lapan buah negara maju termasuk Amerika Syarikat. Dapatan kajian mereka menunjukkan Amerika Syarikat berada pada kedudukan tercorot daripada lapan buah negara yang dikaji dan menjawab dengan betul secara puratanya 41% daripada 56 soalan yang dikemukakan. Negara seperti Itali pula menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam literasi geografi iaitu dengan membandingkan kajian ini dengan kajian yang dijalankan oleh Gallup Organization pada tahun 1988 manakala Amerika Syarikat menunjukkan keadaan yang sama.

Kajian lebih terkini yang dijalankan oleh Sally dan Joseph (2012) terhadap pelajar tahun pertama geografi di Universiti Toronto, Kanada mendapati bahawa hanya 37% pelajar tahun pertama geografi mempunyai tahap literasi geografi yang baik iaitu mampu menjawab soalan berkaitan dengan nama tempat seperti letakan negeri dan negara yang berkaitan dengan betul. Selain itu, pelajar dikehendaki mengenal pasti beberapa lokasi berbeza berdasarkan peta, namun purata yang menjawab dengan betul hanya 40% sahaja. Sementara itu, Dunn (2011) dalam kajian yang dilakukan terhadap 145 orang pelajar tahun pertama di sekitar universiti di Colorado tentang kemahiran menandakan lokasi berasaskan peta mendapati bahawa hanya tujuh orang sahaja yang dapat menyenaraikan lima daripada enam daerah yang berkongsi sempadan dengan New York.

Namun, dalam konteks tempatan, kajian yang dilakukan untuk menilai literasi geografi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan belia di Malaysia agak terhad (lihat, misalnya, Ahmad & Osman, 2006; Ahmad & Saidin, 2016; Kumaran et al, 2015; Dziauddin et., 2013). Misalnya, tinjauan yang dilakukan oleh Kumaran et al. (2015) daripada surat khabar Malay Mail tentang pengetahuan umum pelajar sekolah menengah di tiga negeri di Malaysia – Pulau Pinang, Perak dan Selangor – mencadangkan bahawa literasi geografi yang lemah dalam kalangan mereka. Lebih separuh daripada responden tidak mengetahui terdapat 13 negeri dan tiga wilayah persekutuan di Malaysia dan majoriti daripada mereka menjawab bahawa terdapat 14 negeri. Kajian yang dilakukan oleh Dziauddin et al. (2013) melibatkan lebih daripada 400 pelajar universiti awam di Malaysia mendapati bahawa literasi geografi dalam kalangan pelajar ini pada umumnya lemah,

khususnya bagi literasi geografi peringkat rendah (nama lokasi dan tempat) dan literasi geografi peringkat pertengahan (pemahaman tentang hubungan geografi). Sebagai contoh, lebih daripada separuh daripada responden gagal mengenal pasti lokasi lima negara Asia Tenggara dengan betul pada peta kosong Asia Tenggara. Walaupun hampir 90% responden mengetahui di mana Malaysia berada, 12% daripada mereka tidak dapat menunjukkan dengan betul letakan Malaysia pada peta Asia Tenggara.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, faktor-faktor yang mempengaruhi literasi geografi boleh dikelaskan kepada empat; pengalaman pembelajaran geografi secara formal, pengalaman melancong (dalam atau luar negara), demografi dan penggunaan media. Terdapat beberapa kajian mengaitkan faktor pengalaman mempelajari geografi di sekolah dengan tahap literasi geografi yang ada pada diri seseorang individu. Misalnya Miller (2003) berpendapat bahawa rendahnya tahap literasi geografi dalam kalangan belia Amerika Syarikat adalah disebabkan oleh mata pelajaran geografi dikebanyakannya sekolah di Amerika Syarikat menjadi mata pelajaran kelas kedua. Malah mata pelajaran geografi sudah tidak lagi diajarkan lagi dikebanyakannya sekolah. Kajian yang dilakukan oleh Hardwick et al. (1999), National Geographic Roper (2002) dan Nolan (2002) membuktikan bahawa pendidikan geografi yang diterima oleh seseorang individu sejak dibangku sekolah menjadi faktor utama mempengaruhi tahap literasi geografi. Terdapat kajian menunjukkan individu yang memperoleh skor yang tinggi dalam ujian literasi geografi merupakan individu yang mempunyai pengalaman mempelajari geografi dalam tempoh masa yang lebih lama di sekolah (Beatty & Troster, 1987; Palmer-Moloney & Bloom, 2001; Reperger, 2015). Di samping itu, aspek bagaimana geografi diajarkan di sekolah juga turut dikaji oleh pengkaji lepas kerana ia mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap literasi geografi seseorang individu. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Walford (2001) mendapati jumlah jam mempelajari mata pelajaran geografi di sekolah mempengaruhi tahap literasi geografi.

Hubungan antara pegalaman melancong seseorang individu sama ada dalam atau luar negara dengan tahap literasi geografi telah mendapat perhatian kajian-kajian lepas (Bein, 1990; Eve et al., 1994; Kottler et al., 1998; National Geographic Roper, 2002; Oigara, 2006). Kajian-kajian ini merumuskan bahawa kurangnya pengalaman melancong dalam kalangan belia di Amerika Syarikat menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada rendahnya tahap literasi geografi. Kottler (1998) berpendapat seseorang individu yang mempunyai pengalaman melancong ke luar negara lebih memahami dan sensitif terhadap budaya masyarakat lain dan memiliki cara berfikir global. Melancong juga turut mendedahkan seseorang individu kepada bentuk pengangkutan, bahasa, makanan, seni, agama, pakaian dan mata yang berbeza daripada negara asal individu tersebut. Kajian lepas juga membuktikan bahawa mereka yang mempunyai pengalaman melancong ke luar negara dan dapat bertutur dalam bahasa asing mempunyai tahap literasi geografi yang lebih baik berbanding mereka yang tidak pernah ke luar negara dan hanya bertutur dalam bahasa ibunda (Eve et al., 1994). Dalam menjelaskan mengapa belia Amerika Syarikat

memperoleh skor literasi geografi tercorot berbanding negara-negara maju yang lain, National Geographic Roper (2002) merumuskan bahawa hanya 21% golongan belia Amerika Syarikat pernah melancong ke luar negara dalam tempoh tiga tahun sebelum kajian dijalankan berbanding dengan belia Sweden dan Jepun masing-masing 92% dan 31%.

Di samping itu, terdapat sesetengah kajian yang dijalankan di luar negara seperti Amerika Syarikat mendapati jantina sampel mempengaruhi tahap literasi geografi. Misalnya, terdapat kajian yang menunjukkan lelaki mempunyai tahap literasi geografi yang lebih tinggi berbanding perempuan walaupun mempunyai tahap pendidikan yang sama (Bein, 1990; Williams et al., 1995; National Geographic Roper, 2002). Kajian yang dijalankan oleh National Geographic Roper (2002) menunjukkan belia lelaki di lapan buah negara yang diuji tahap literasi geografi mereka memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan perempuan mereka. Buktinya, di lapan buah negara yang ditinjau secara purata belia lelaki menjawab 29.2 soalan dengan betul berbanding perempuan 25.8. Selain daripada faktor jantina, faktor lain yang turut mempengaruhi literasi geografi ialah etnik dan umur. Kajian yang dijalankan oleh Williams et al. (1995) menunjukkan pencapaian yang diperoleh (sama ada tinggi atau rendah) dalam ujian literasi geografi yang mereka lakukan dipengaruhi oleh faktor etnik. Misalnya, pelajar kulit putih memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding dengan rakan-rakan mereka yang terdiri daripada golongan Afrikan-Amerikan (kulit hitam), Hispanik dan Indian Amerikan. Pelajar yang terdiri daripada etnik Asia juga memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding etnik Afrikan-Amerikan (kulit hitam), Hispanik dan Indian Amerikan.

Dalam konteks hubungan etnik dan tahap literasi geografi, Oigara (2006) mengingatkan dalam membuat tafsiran terhadap perbezaan pencapaian skor literasi geografi yang melibatkan etnik kerana kita tidak boleh mengandaikan bahawa pencapaian yang berbeza ini hanya disebabkan oleh faktor etnik semata-mata tanpa mengambil kira faktor yang lebih penting iaitu faktor sosial dan latar belakang etnik tersebut serta kualiti pendidikan yang mereka terima. Dalam konteks umur pula, terdapat kajian yang menunjukkan peringkat umur lebih tinggi memperoleh skor literasi geografi yang lebih tinggi berbanding dengan peringkat umur lebih rendah. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Nolan (2002) mendapatkan wujud hubungan yang signifikan antara umur dengan pencapaian dalam ujian literasi geografi – mereka dalam kategori peringkat umur lebih tinggi mempunyai tahap literasi geografi lebih baik berbanding kategori peringkat umur lebih rendah.

Dalam konteks pengaruh media ke atas tahap literasi geografi seseorang individu, terdapat berberapa kajian yang dijalankan oleh Williams et al. (1994), National Geographic Roper (2002) dan Winship (2004) merumuskan bahawa penggunaan media merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi tahap literasi geografi. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh National Geographic Roper (2002) menunjukkan individu yang kerap menggunakan internet memperoleh skor yang lebih tinggi dalam ujian literasi geografi. Begitu juga individu yang banyak

menggunakan sumber maklumat seperti akhbar, majalah, radio, mendengar berita telivisyen.

MATERIAL, KAEADAH DAN ANALISIS

Jumlah keseluruhan pelajar ijazah pertama geografi di Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, UPSI pada tahun yang dikaji ialah seramai 540 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 217 pelajar ijazah pertama geografi dipilih sebagai sampel kajian iaitu 31 orang individu (50% lelaki dan 50% perempuan) dipilih bagi mewakili setiap semester. Penentuan sampel kajian dibuat berdasarkan teknik persampelan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian yang digunakan bagi menguji literasi geografi dalam kalangan pelajar ijazah pertama geografi di UPSI ialah borang soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan untuk kajian ini merupakan hasil ubahsuai daripada beberapa borang soal selidik yang digunakan dalam kajian lepas yang terdiri daripada kajian luar dan dalam negara (Elsabawy, 2014; Dziauddin et al., 2012; National Geographic Roper, 2002; Repenger, 2015). Jumlah soalan yang terdapat dalam instrumen soal selidik ini adalah sebanyak empat puluh dua soalan yang terbahagi kepada empat bahagian.

Bahagian A iaitu latar belakang responden, bahagian B ialah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi geografi dalam kalangan pelajar geografi di UPSI, bahagian C ialah ujian literasi pengetahuan geografi aras rendah manakala bahagian D ialah cadangan langkah-langkah yang sesuai bagi meningkatkan tahap literasi geografi dalam kalangan pelajar geografi di UPSI. Bahagian B memerlukan responden menjawab "Ya" atau "Tidak" bagi faktor yang mempengaruhi tahap literasi geografi manakala bahagian C memerlukan responden menjawab soalan aneka pilihan jawapan yang berbentuk "Betul" atau "Salah" bagi ujian literasi geografi aras rendah yang dijalankan. Jawapan yang positif seperti "Ya" dan "Betul" diberikan nilai skor 1 manakala jawapan yang negatif "Tidak" dan "Salah" diberikan nilai skor 0. Bagi memastikan instrumen kajian mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi, kajian rintis dengan melibatkan 15 responden yang merupakan kumpulan sasaran bagi kajian ini dilakukan. Ujian kebolehpercayaan dan kesahan *Alpha Cronbach* telah dipilih untuk menguji setiap item dalam borang soal selidik. Dapatkan ujian kebolehpercayaan dan kesahan *Alpha Cronbach* merekodkan nilai skor melebihi 0.8 bagi setiap bahagian soal selidik, justeru boleh digunakan dalam kajian ini.

Proses pengumpulan data bagi kajian ini mengambil masa lebih kurang dua minggu. Pengkaji mendapat bantuan daripada para pensyarah di Jabatan Geografi dan Alam Sekitar bagi mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar yang dipilih secara rawak dalam kelas masing-masing. Pelajar yang terpilih untuk terlibat dalam kajian ini juga diingatkan untuk menjawab dengan bersungguh-sungguh dan tidak merujuk mana-mana sumber seperti internet dan berbincang. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian analisis statistik iaitu *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 23. Terdapat dua jenis

analisis statistik yang terlibat dalam kajian ini iaitu analisis statistik deskriptif (min, mod, median dan peratus) dan inferensi (ujian Khi-kuasa Dua). Seterusnya, skala Guttman digunakan bagi menentukan tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi di UPSI.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bagi komponen literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Malaysia secara purata sampel kajian memperoleh skor 71%, 57% bagi komponen literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Asia Tenggara dan hampir 62% bagi komponen literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal global. Sementara itu, bagi komponen literasi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia, secara purata sampel kajian memperoleh skor hampir 70% bagi komponen literasi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia Malaysia, 90% bagi komponen literasi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia Asia Tenggara dan hampir 49% bagi komponen literasi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia global.

Identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal: Malaysia

Majoriti sampel (75.7%) menjawab dengan betul bagi soalan identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Malaysia (Jadual 1). Jumlah tertinggi sampel berjaya menjawab dengan betul adalah bagi soalan lokasi sungai terpanjang di Malaysia (89.4%). Seterusnya soalan berkaitan lokasi tasik buatan manusia terbesar di Malaysia mencatatkan jumlah sampel menjawab dengan betul adalah sebanyak 83.4%. Di samping itu, untuk soalan banjaran tertinggi di Malaysia sebanyak 70.5% sampel memilih jawapan yang betul. Pada masa yang sama sebanyak 59.4% sampel berjaya menjawab dengan betul bagi soalan bukan ciri fizikal kawasan pinggir laut di Malaysia.


**Jadual 1: Bilangan dan peratus respon bagi identifikasi tempat:
Nama dan ciri fizikal Malaysia**

| Pengetahuan geografi fizikal Malaysia | Betul | | Salah | |
|--|-------|------|-------|------|
| | N | % | N | % |
| Lokasi sungai terpanjang | 194 | 89.4 | 23 | 10.6 |
| Lokasi tasik buatan manusia terbesar | 129 | 59.4 | 88 | 40.6 |
| Banjaran tertinggi di Semenanjung Malaysia | 153 | 70.5 | 64 | 29.5 |
| Bukan ciri fizikal pinggir laut | 181 | 83.4 | 36 | 16.6 |


N – Bilangan pelajar

Sumber: Kajian Lapangan (2019).

Rajah 1 menunjukkan respon kepada soalan letakan lokasi sungai terpanjang di Malaysia. Majoriti sampel (89.4%) berjaya menjawab dengan betul. Namun, terdapat sebanyak 6.0% sampel menyatakan bahawa sungai terpanjang di Malaysia terletak di negeri Pahang. Selebihnya iaitu sebanyak 3.2% memilih jawapan Sabah manakala 1.4% sampel memilih Kelantan sebagai lokasi terletaknya sungai terpanjang di Malaysia. Walaupun soalan ini terlalu asas dan sepatutnya diketahui oleh pelajar geografi, tetapi terdapat hampir 11% (24 orang). Begitu juga dengan respon kepada soalan lokasi tasik buatan manusia terbesar di Malaysia (Rajah 2). Majoriti sampel (59.4%) memberikan jawapan yang betul, manakala selebihnya (40.6%) memberikan jawapan yang salah. Antara pilihan jawapan yang diberikan oleh sampel yang dikaji ialah Pahang (35.5%), Kelantan (2.8%) dan Kedah (2.3%).



Rajah 1: Respon kepada soalan “Lokasi sungai terpanjang di Malaysia”
Sumber: Kajian Lapangan (2019).



Rajah 2: Respon kepada soalan “Lokasi tasik buatan manusia terbesar di Malaysia”

Identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal: Asia Tenggara

Secara umumnya, skor jawapan betul (57.6%) yang diberikan oleh sampel bagi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Asia Tenggara adalah jauh lebih rendah berbanding skor jawapan betul yang diberikan bagi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Malaysia (Jadual 2). Peratus tertinggi jawapan betul yang diperoleh oleh sampel ialah bagi soalan negara Asia Tenggara yang tidak mempunyai kawasan pinggir laut (78.3%). Sementara bagi soalan bukan negara iklim monsun tropika mencatatkan sebanyak 65.9% jawapan betul, 69.6% jawapan betul bagi soalan sungai terpanjang di Asia Tenggara, manakala hanya 16.6% memberikan jawapan betul bagi soalan gunung tertinggi di Asia Tenggara.

Jadual 2: Bilangan dan peratus respon bagi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Asia Tenggara


| Pengetahuan geografi fizikal Asia Tenggara | Betul | | Salah | |
|---|--------------|----------|--------------|----------|
| | N | % | N | % |
| 1. Gunung tertinggi | 36 | 16.6 | 181 | 83.4 |
| 2. Bukan negara iklim monsun tropika | 143 | 65.9 | 74 | 34.1 |
| 3. Sungai terpanjang | 151 | 69.6 | 66 | 30.4 |
| 4. Negara tanpa pinggir laut | 170 | 78.3 | 47 | 21.7 |

N – Bilangan pelajar


Sumber: Kajian Lapangan (2019).

Rajah 3 menunjukkan respon kepada soalan gunung tertinggi di Asia Tenggara. Majoriti sampel (83.4%) langsung tidak mempunyai idea bahawa gunung Hkakabo Razi dengan ketinggian 5,881 m yang terletak di Myanmar adalah gunung tertinggi di Asia Tenggara. Sebaliknya, majoriti sampel (78.3%) berpendapat gunung Kinabalu yang terletak di Malaysia adalah gunung tertinggi di Asia Tenggara. Begitu juga dengan respon kepada soalan sungai terpanjang di Asia Tenggara (Rajah 4). Walaupun majoriti sampel (69.6%) tahu bahawa Sungai Mekong sepanjang 4,350 km yang merentasi beberapa buah negara seperti Vietnam, China, Thailand, Laos, Kemboja dan Myanmar adalah sungai terpanjang di Asia Tenggara, namun selebihnya (30.4%) memberikan jawapan yang salah. Antara pilihan jawapan yang diberikan oleh sampel yang dikaji ialah Sungai Kapuas, Indonesia (0.5%), Sungai Rajang, Malaysia (17.1%) dan Sungai Irrawady, Myanmar (12.9%).

Rajah 4: Respon kepada soalan "Sungai terpanjang di Asia Tenggara"



Rajah 3: Respon kepada soalan "Gunung tertinggi di Asia Tenggara"



Identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal: Global

Majoriti sampel (66.0%) menjawab dengan betul bagi soalan identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal global (Jadual 1). Skor ini mengatasi skor identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Asia Tenggara. Jumlah tertinggi sampel berjaya menjawab dengan betul adalah bagi soalan bilangan benua di dunia (71.9%). Seterusnya soalan berkaitan benua terbesar di dunia mencatatkan jumlah sampel menjawab dengan betul adalah sebanyak 68.7%. Seterusnya, bagi soalan lautan terbesar di dunia sebanyak 62.2% sampel memilih jawapan yang betul. Pada masa yang sama masing-masing sebanyak 69.0% dan 68.2% sampel yang dikaji berjaya menjawab dengan betul bagi soalan sungai terpanjang di dunia dan negara terbesar di dunia.


Jadual 3: Bilangan dan peratus respon bagi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal global

| Pengetahuan geografi fizikal global | Betul | | Salah | |
|-------------------------------------|-------|------|-------|------|
| | N | % | N | % |
| 1. Bilangan benua | 156 | 71.9 | 61 | 28.1 |
| 2. Benua terbesar | 149 | 68.7 | 68 | 31.3 |
| 3. Lautan terbesar | 135 | 62.2 | 82 | 37.8 |
| 4. Sungai terpanjang | 128 | 59.0 | 89 | 41.0 |
| 5. Negara terbesar | 148 | 68.2 | 69 | 31.8 |


N – Bilangan pelajar

Sumber: Kajian Lapangan (2019).

Rajah 5 menunjukkan respon kepada soalan sungai terpanjang di dunia. Walaupun majoriti sampel (59.0%) memilih Sungai Nil yang mempunyai kepanjangan 6,650 km dan merentasi negara Sudan dan Mesir di Afrika, namun terdapat sebanyak 31.8% sampel menyatakan bahawa sungai terpanjang di dunia ialah Sungai Amazon yang bermula di negara Peru seterusnya merentasi negara Brazil dan berakhir di Lautan Atlantik. Selebihnya iaitu sebanyak 5.5% memilih jawapan Sungai Mekong manakala 3.7% sampel memilih Sungai Yangtze, China sungai terpanjang di dunia. Begitu juga dengan respon kepada soalan lautan terbesar di dunia (Rajah 6). Majoriti sampel (62.2%) tahu bahawa Lautan Pasifik sebagai lautan terbesar di dunia, tetapi 37.8% sampel yang dikaji langsung tidak mempunyai idea. Antara pilihan jawapan yang diberikan oleh sampel yang dikaji ialah Lautan Hindi (16.6%), Lautan Atlantik (12.4%) dan Laut China Selatan (8.8%).



Rajah 5: Respon kepada soalan “Sungai terpanjang di dunia”



Rajah 6: Respon kepada soalan “Lautan terbesar di dunia”

Identifikasi tempat – Nama dan ciri manusia: Malaysia


Bagi soalan berkaitan identifikasi tempat – nama dan ciri manusia Malaysia, majoriti sampel (69.9%) menjawab dengan betul (Jadual 4). Skor ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan skor diperoleh bagi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal Malaysia. Jumlah tertinggi sampel berjaya menjawab dengan betul adalah bagi soalan kegiatan ekonomi sektor primer di Malaysia (91.7%). Seterusnya soalan berkaitan tanaman tonggak utama ekonomi Malaysia mencatatkan jumlah sampel menjawab dengan betul adalah sebanyak 86.6%. Di samping itu, untuk soalan jumlah penduduk Malaysia pada tahun semasa sebanyak 60.8% sampel memilih jawapan yang betul. Pada masa yang sama hanya sebanyak 40.6% sampel berjaya menjawab dengan betul bagi soalan akta yang menguatkuasakan undang-undang berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar.

Jadual 4: Bilangan dan peratus respon bagi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia di Malaysia


| Pengetahuan geografi manusia - Malaysia | Betul | | Salah | |
|--|--------------|----------|--------------|----------|
| | N | % | N | % |
| Jumlah penduduk | 132 | 60.8 | 85 | 39.2 |
| Kegiatan ekonomi sektor primer | 199 | 91.7 | 18 | 8.3 |
| Tanaman tonggak utama ekonomi | 188 | 86.6 | 29 | 13.4 |
| Akta yang menguatkuasakan undang-undang berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar | 88 | 40.6 | 129 | 59.4 |

N – Bilangan pelajar

Rajah 7 menunjukkan respon kepada soalan akta yang menguatkuasakan undang-undang berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia. Seperti dinyatakan di atas bagi soalan ini hanya 40.6% sampel menjawab dengan betul. Terdapat sebanyak 37.3% sampel menyatakan Akta Pemeliharaan Hutan Simpan 1991. Selebihnya iaitu sebanyak 18.0% memilih jawapan Akta Pemeliharaan Tumbuhan Liar 1974 manakala 4.1% sampel memilih Akta Kualiti Hutan. Ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar terhadap akta yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di negara ini juga rendah. Memandangkan banyak spesis hidupan liar di negara ini hampir pupus, contohnya seperti harimau dan badak sumbu, pengetahuan masyarakat, khususnya pelajar tentang akta yang berkaitan perlu dipertingkatkan lagi. Begitu juga dengan respon kepada soalan jumlah penduduk Malaysia pada tahun semasa dimana hanya 60.8% memberikan jawapan yang betul (Rajah 8). Sementara selebihnya (39.2%) memberikan jawapan yang salah. Antara pilihan jawapan yang diberikan oleh sampel yang dikaji ialah 34 juta (20.7%), 36 juta (10.6%) dan 38 juta (7.8%). Pengetahuan tentang jumlah penduduk adalah elemen yang penting kerana ia yang amat berkait rapat dengan elemen lain seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi dan sebagainya.



Rajah 7. Respon kepada soalan “akta yang menguatkuasakan undang-undang berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar”



Rajah 8: Respon kepada soalan “Jumlah penduduk Malaysia”

Identifikasi tempat – nama dan ciri manusia: Asia Tenggara


Secara umumnya, majoriti sampel (90.2%) memperoleh skor jawapan betul yang bagi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia Asia Tenggara (Jadual 5). Peratus tertinggi jawapan betul yang diperoleh oleh sampel ialah bagi soalan kedudukan negara Filipina dalam peta Asia Tenggara (97.7%). Sementara skor betul terendah (78.3%) adalah bagi soalan kedudukan negara Vietnam dalam peta Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, masih terdapat 6 responden (2.8%) sampel yang masih tidak dapat mengidentifikasikan tempat bagi Malaysia dengan tepat di atas peta.

Rajah 9 menunjukkan respon kepada soalan bukan negara yang terletak di Asia Tenggara. Majoriti sampel (82.0%) tahu bahawa negara India tidak terletak di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, apa yang memerlukan perhatian ialah terdapat 18.0% sampel yang dikaji berpendapat negara-negara seperti Vietnam (0.95), Timor Leste (15.2%) dan Myanmar (1.8%) tidak terletak di Asia Tenggara. Begitu juga dengan respon kepada soalan kedudukan negara-negara Asia Tenggara dalam peta (Rajah 10). Walaupun majoriti sampel (90.1%) tahu kedudukan negara-negara Asia Tenggara dalam peta, tetapi selebihnya (9.9%) tidak mempunyai idea langsung. Malah terdapat sampel (2.8%) yang langsung tidak tahu kedudukan Malaysia dalam peta Asia Tenggara.


Jadual 5: Bilangan dan peratus respon bagi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia Asia Tenggara

| Pengetahuan geografi manusia – Asia Tenggara | Betul | | Salah | |
|--|-------|------|-------|------|
| | N | % | N | % |
| Bukan negara terletak di Asia Tenggara | 178 | 82.0 | 39 | 18.0 |
| Kedudukan negara Asia Tenggara dalam peta: | | | | |
| Vietnam | 170 | 78.3 | 47 | 21.7 |
| - Laos | 181 | 83.4 | 36 | 16.6 |
| - Myanmar | 183 | 84.3 | 34 | 15.7 |
| - Thailand | 202 | 93.1 | 15 | 6.9 |
| - Kemboja | 176 | 81.1 | 41 | 18.9 |
| - Malaysia | 211 | 97.2 | 6 | 2.8 |
| - Singapura | 209 | 96.3 | 8 | 3.7 |
| - Indonesia | 211 | 97.2 | 6 | 2.8 |
| - Timor Leste | 206 | 94.9 | 11 | 5.1 |
| - Brunei Darussalam | 209 | 96.3 | 8 | 3.7 |
| - Filipina | 212 | 97.7 | 5 | 2.3 |

N – Bilangan pelajar



Rajah 9. Respon kepada soalan “Bukan negara terletak di Asia Tenggara”



Rajah 10: Respon kepada soalan “Kedudukan negara Asia Tenggara dalam peta”

Identifikasi tempat – nama dan ciri manusia: Global


Lebih separuh (50.5%) menjawab dengan betul bagi soalan identifikasi tempat – nama dan ciri manusia global (Jadual 6). Skor ini jauh lebih rendah daripada skor identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal global. Jumlah tertinggi sampel berjaya menjawab dengan betul adalah bagi soalan negara penduduk tertinggi di dunia (57.6%). Seterusnya soalan berkaitan jumlah penduduk dunia pada tahun semasa mencatatkan bilangan sampel menjawab dengan betul adalah sebanyak 43.3%.

Jadual 6: Bilangan dan peratus respon bagi identifikasi tempat – nama dan ciri manusia global


| Pengetahuan geografi manusia global | Betul | | Salah | |
|-------------------------------------|-------|------|-------|------|
| | N | % | N | % |
| 1. Jumlah penduduk dunia | 94 | 43.3 | 123 | 56.7 |
| 2. Negara penduduk tertinggi | 125 | 57.6 | 92 | 42.4 |

N – Bilangan pelajar

Rajah 9 menunjukkan respon kepada soalan jumlah penduduk dunia. Dapatan kajian menunjukkan hanya 43.3% daripada sampel yang dikaji memberikan jawapan yang betul iaitu 7.7 bilion. Terdapat 26.3% sampel memilih jawapan 7.4 bilion, manakala 17.1% sampel memilih 6.7 bilion dan 13.4% sampel memilih 8.7 bilion. Bagi respon kepada soalan negara penduduk tertinggi (Rajah 10), majoriti sampel (57.6%) tahu bahawa negara yang mempunyai jumlah penduduk tertinggi di dunia ialah negara China. Tetapi terdapat 27.6% sampel yang dikaji memilih negara India (27.6%), Indonesia (12.4%) dan Jepun (2.3%).



Rajah 9: Respon kepada soalan “jumlah penduduk dunia”



Rajah 10. Respon kepada soalan “negara penduduk tertinggi”

Tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia bagi 31 soalan

Bahagian ini melaporkan tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi di UPSI. Tahap literasi geografi ini dinilai berdasarkan jumlah markah yang diperoleh oleh setiap sampel dalam ujian yang telah dijalankan. Tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi dibahagikan kepada skala gred cemerlang, baik, sederhana dan lemah (Jadual 7). Bagi skala gred cemerlang, julat markah ialah antara 75-100, baik antara julat markah 60-74 dan sederhana antara 45-59 manakala skala gred lemah ialah 0-44 markah. Skala penggredan yang digunakan ini disesuaikan dengan skala penggredan kursus geografi UPSI (Jadual 7).

Jadual 7: Skala penggredan kursus geografi UPSI

| Skala penggredan | Julat markah |
|-------------------------|---------------------|
| Cemerlang | 75-100 |
| Baik | 60-74 |
| Sederhana | 45-59 |
| Lemah | 0-44 |

Sumber: Buku Panduan Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI (2018)

Jadual 8 menunjukkan gambaran secara menyeluruh tentang tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia pelajar geografi UPSI bagi 31 soalan yang diuji. Secara umumnya, sebanyak 54.4% pelajar ijazah pertama geografi yang dijadikan sampel dalam kajian ini mempunyai tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang cemerlang manakala sebanyak 27.6% mempunyai literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang baik. Dapatkan kajian turut merekodkan bahawa sebanyak 14.7% pelajar geografi mempunyai tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang sederhana dan selebihnya sebanyak 3.2% pelajar berada pada tahap yang lemah.

Jadual 8: Tahap literasi identifikasi tempat – Nama serta ciri fizikal dan manusia

| Skala penggredan | Peratus (%) |
|-------------------------|--------------------|
| Cemerlang | 54.4 |
| Baik | 27.6 |
| Sederhana | 14.7 |
| Lemah | 3.2 |

Sumber: Kajian Lapangan (2019).

Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi UPSI

Bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi UPSI. Terdapat enam faktor yang dikenal pasti dan diuji dalam kajian ini; pengalaman mengambil mata pelajaran geografi di tingkatan 4 dan 5, sumber rujukan asas bagi mendapatkan maklumat geografi, kekerapan menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga, kekerapan menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan rakan, kekerapan melancong ke luar negara dan

kekerapan melancong dalam negara. Penentuan kesignifikanan setiap faktor dalam mempengaruhi literasi pengetahuan asas geografi pelajar geografi UPSI dibuat dengan menggunakan ujian Khi-kuasa dua. Bagi tujuan tersebut, sekiranya nilai p yang diperoleh daripada ujian Khi-kuasa dua lebih besar daripada paras signifikan, $p>0.05$ maka faktor yang diuji tersebut adalah tidak signifikan. Sekiranya, nilai p yang diperoleh lebih kecil daripada paras signifikan maka hipotesis nol tersebut terpaksa ditolak dan satu hipotesis alternatif akan dihasilkan. Pengujian ke atas hipotesis ini adalah dilakukan menggunakan ujian Khi-kuasa dua yang terdapat dalam perisian SPSS versi 23. Keputusan analisis ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9: Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi identifikasi tempat – Nama serta ciri fizikal dan manusia

| Faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi | Nilai p | Keputusan |
|---|-----------|------------------|
| 1) Pengalaman mengambil mata pelajaran geografi di tingkatan 4 dan 5 | 0.01 | Signifikan |
| 2) Sumber rujukan asas bagi mendapatkan maklumat geografi | 0.20 | Tidak signifikan |
| 3) Kekerapan menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga | 0.09 | Tidak signifikan |
| 4) Kekerapan menggunakan Bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan rakan | 0.16 | Tidak signifikan |
| 5) Kekerapan melancong ke luar negara | 0.53 | Tidak signifikan |
| 6) Kekerapan melancong dalam negara | 0.03 | Signifikan |

Dapatan daripada analisis mendapati terdapat dua faktor yang mempengaruhi tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi UPSI. Kedua-dua faktor ini ialah pengalaman mengambil mata pelajaran geografi di tingkatan 4 dan 5 dan kekerapan melancong dalam negara. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Beatty and Troster (1987), Hardwick et al. (1999), National Geographic Roper (2002), Nolan (2002), Palmer-Moloney dan Bloom (2001) dan Reperger (2015). Kajian-kajian yang dinyatakan ini menunjukkan individu yang memperoleh skor yang tinggi dalam ujian literasi geografi merupakan individu yang mempunyai pengalaman mempelajari geografi dalam tempoh masa yang lebih lama di sekolah. Begitu juga dengan kekerapan melancong dalam negara dimana kajian dijalankan oleh Eve et al. (1994) dan National Geographic Roper (2002) mendapati pengalaman melancong mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tahap literasi geografi. Ini kerana, individu yang mempunyai pengalaman melancong lebih terdedah kepada dunia luar dan

minat melancong ini akan mempengaruhi sifat ingat tahu tentang tempat-tempat yang hendak dikunjungi. Apabila seseorang itu mempunyai sifat ingat tahu tentang sesuatu maka beliau akan meneroka menerusi pelbagai sumber yang ada. Secara tidak langsung akan meningkatkan tahap literasi geografi dalam kalangan individu begini.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap literasi geografi dalam kalangan pelajar geografi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan fokus diberikan kepada literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia. Kajian ini mencapai tujuan utama yang digariskan dimana dapatan daripada kajian yang dijalankan mendapati sebanyak 54.4% pelajar mempunyai tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang cemerlang manakala sebanyak 27.6% pelajar mempunyai tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang baik. Dapatan kajian turut merekodkan bahawa sebanyak 14.7% pelajar geografi mempunyai literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia yang sederhana dan selebihnya sebanyak 3.2% pelajar berada pada tahap yang lemah. Di samping itu, kajian yang dijalankan ini juga dapat menentukan terdapat dua faktor yang mempengaruhi tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia; pengalaman mengambil mata pelajaran geografi tingkatan 4 dan 5 dan kekerapan melancong dalam negara.

Malangnya, faktor pengalaman mengambil mata pelajaran geografi tingkatan 4 dan 5 tidak dapat dilakukan intervensi dengan mudah kerana ia melibatkan polisi pendidikan negara. Umum mengetahui bahawa dalam sistem pendidikan negara kita, mata pelajaran geografi diletakkan dalam kategori elektif. Dalam kalangan kategori elektif pula, mata pelajaran geografi bukanlah mata pelajaran pilihan malah dipinggirkan. Di samping itu, terdapat sekolah yang langsung tidak menawarkan mata pelajaran geografi kepada pelajar menengah atas mereka. Penawaran pada peringkat menengah atas sebahagian besarnya bergantung kepada keputusan pihak pentadbir. Sekiranya terdapat kesedaran dalam kalangan pentadbir terhadap kepentingan mata pelajaran geografi kepada pelajar maka terbukalah peluang untuk mata pelajaran ini ditawarkan. Kajian ini juga mendapati kekerapan melancong dalam negara turut mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tahap literasi pengetahuan asas geografi dalam kalangan pelajar geografi UPSI. Seperti juga dengan faktor pengalaman mengambil mata pelajaran geografi tingkatan 4 dan 5, tidak banyak intervensi yang boleh dilakukan kerana ia melibatkan aspek latar belakang sosio-ekonomi sampel yang dikaji.

Oleh kerana kajian ini tidak menguji lebih banyak faktor yang mempengaruhi tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi UPSI, kajian pada masa hadapan perlu mempertimbang faktor-faktor seperti umur, etnik, tahun pengajian, skor purata nilai gred kumulatif

(PNGK) dan terutamanya gender. Walaupun faktor-faktor seperti umur, etnik dan gender tidak dapat dilakukan sebarang intervensi tetapi faktor-faktor ini mungkin dapat menjelaskan mengapa terdapat perbezaan daripada segi tahap literasi identifikasi tempat – nama dan ciri fizikal dan manusia dalam kalangan pelajar geografi UPSI yang berkait dengan pengalaman sosialisasi peringkat awal pelajar-pelajar ini. Di samping itu, faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan seseorang kanak-kanak itu wajar dipertimbangkan dalam kajian pada masa hadapan kerana faktor-faktor ini mungkin dapat menjelaskan bagaimana corak literasi geografi terbina.

RUJUKAN

- Ahmad, M. Z., & Osman, S. (2016). Kebolehan ruangan dan penguasaan kebolehan peta pelajar geografi. Dalam Mazdi, M, & Mohmadisa, H. (peny.), *Geografi dan alam sekitar dalam pendidikan negara*. Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad, M. Z., & Saidin, N. (2016). Pengetahuan tentang kearifan tempatan berkait alam sekitar dalam kalangan guru geografi. *Geografi*, 4 (2), 1-8.
- Beaty, W. W., & Troster, A. I. (1987). Gender differences in geographical knowledge. *Sex Roles*, 16, 565 – 590.
- Bein, F. L. (1990). Baseline geography competency test: Administered in Indiana universities. *Journal of Geography*, 260 – 265.
- Bliss, S. (2006). The geographically literate person. *The Social Educator*, 24 (2), 21 – 25.
- Dziauddin, M. F., Hashim, M., & Che Ngah, M. S. Y. (2013). Tinjauan literasi ke atas pelajar institusi pengajian tinggi awam di Semenanjung Malaysia. Dalam Mohmadisa, H., Nasir, N., Mohammad Suhaily Yusri, C. N., & Yazid, S. (penyunting), *Pendidikan Geografi: Wadah Pendidikan Umum untuk Masyarakat*. Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, 145 – 176.
- Dunn, J. M. (2011). Location knowledge: Assessment, spatial thinking, and new national geography standards. *Journal of Geography*, 110 (2), 37 – 41. Diperolehi daripada <https://doi.org/10.1080/00221341.2010.511243>
- Elsabawy, M. N. E. (2014). Geography illiteracy and reforming geography education in Egypt among university undergraduate students. In *The 3rd International Geography Symposium - GEOMED2013*, 120, 394–403. Minia, Egypt: Elsevier Ltd. Diperolehi daripada <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.02.117>
- Eve, R. A., Price, B., & Counts, M. (1994). Geographic illiteracy among college students. *Youth and Society*, 25, 408 – 427.
- Gallup Organization (1988). *Gallup poll geography: An international Gallup survey*. Princeton, N. J.
- Hardwick, S. W., Bean, L., Alexander, K. A., & Shelly, F. M. (1999). Gender vs. Sex differences: Factors affecting performance in geographic education. *Journal of Geography*, 99, 238 – 244.

- Henry, T. (1994). *Mapping out geography plan*. USA Today, 21 October 1999.
- Katiman, R. (2005). Tanggapan guru dan pelajar terhadap status pendidikan geografi di sekolah-sekolah menengah Malaysia: Satu tinjauan awal. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 1 (1), 66 – 75. Diperolehi daripada <http://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/17784>
- Kottler, J., Kottler, E., & Kottler, C. (1998). *Secrets for secondary school teachers: How to succeed in your first year*. Corwin press.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607 – 610.
- Kumaran, L., Abdullah, D., & Tham, J. (2015, 28 Mac). Local teens fare poorly in general knowledge, survey shows. The Malay Mail. Diperolehi daripada <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2015/03/28/what-in-the-world-are-we-coming-to/867815>
- Laughlin, M. (1985). *Assessing geographic knowledge and skills of Wisconsin secondary students (priliminary data)*. ERIC document reproduction SRV (ED 273 – 286).
- Marran, J. (1994). The old and new geography. *Journal of Geography*, 93, 8 – 9.
- Miller, L. (2003). *America the ignorant*. Salon Media Group, Inc. San Francisco, CA. Diperolehi dari <https://dir.salon.com/news/feature/2001/09/27/stupidity/index.html?pn=1>
- National Geographic Roper (2002). *Global geographic literacy survey*. National Geographic Education Foundation. Washington DC.
- Nolan, R. E. (2002). Geo – literacy: How well adults understand the world in which they live. *Adult Basic Education*, 12 (3), 134 – 144.
- Oigara, J. (2006). *A Multi – method study of background experiences influencing levels of geographic literacy*. Disertasi Ph.D (tidak diterbitkan), State University of New York, Binghamton.
- Palmer – Molonry, J. & Bloom, E. (2001). The classroom as the field for studying geographical education. *The Geographic Review*, 91, 641 – 654.
- Reperger, D. F. O. (2015). Geographical literacy, attitudes, and experiences of freshman students: A qualitative study at Florida International University. *Florida International University*. Diperolehi dari <https://doi.org/10.25148/etd.FI15032148>
- Rogers, L. K. (1997). *An examination of elementary teachers knowledge of geography and geographic education*. Disertasi Ph.D. (tidak diterbitkan), State University of New York, Binghamton.
- Sally, T., & Joseph, L. (2012). Improving geographic literacy among first-year undergraduate students: Testing the effectiveness of online quizzes. *Journal of Geography*, 2, 37 – 41. Diperolehi dari <https://doi.org/10.1080/00221341.2011.583263>
- Torrens, P. M. (2001). Where in the world? Exploring the factors driving place location knowledge among secondary level students in Dublin, Ireland. *Journal of Geography*, 100, 49 – 60.

- Walford, R. (2001). *Geography in Britain schools 1850 – 2001*. MPG Books Ltd. Bodmin, Great Britain.
- Williams, P. L., Reese, C. M., Campbell, J. R., Mazzeo, J., & Philips, G. W. (1995). Geography highlights: The nation's report. National Assessment of Education Progress (NAEP).
- Winship, J. M. (2004). Geographic literacy and world knowledge among undergraduate college students. Disertasi Ph.D. (Tidak diterbitkan), University of Blacksburgh, Virginia.